

Kesalahan Kata Ganti Nama

A. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat kesalahan tatabahasa. Gariskan kesalahan tersebut dan tulis jawapannya pada ruangan yang disediakan. Jika tiada kesalahan, tanda “-”.

1. Mustaqim tidak datang ke sekolah pada hari ini kerana beliau demam panas.
salah: betul:
2. "Kita akan belajar dengan bersungguh-sungguh," kata murid-murid Tahun Lima Cemerlang kepada Cikgu Faizul.
salah: betul:
3. Guru besar sedang berucap di perhimpunan rasmi sekolah. Dia menasihati murid-murid supaya tidak melanggar peraturan sekolah.
salah: betul:
4. Murid-murid lelaki Tingkatan 1 Cemerlang sedang giat berlatih kerana mereka akan menyertai perlawanan bola sepak pada minggu hadapan.
salah: betul:
5. "Jumpa beta di bilik guru pada waktu rehat nanti," kata Cikgu Azhari kepada Alif.
salah: betul:
6. "Tuan hamba hendak ke mana? Saya hendak ke istana untuk berjumpa dengan baginda," kata bendahara kepada Hang Tuah.
salah: betul:
7. "Patik berharap agar rakyat mengutamakan persekitaran yang bersih," titah Sultan Iskandar.
salah: betul:
8. Cikgu Nazariah mengarahkan murid-muridnya membawa kain buruk semasa aktiviti gotong-royong esok.
salah: betul:

9. " Saya akan pergi berburu petang esok," kata Tun Mamat kepada Hang Nadim.
salah: betul:
10. "Segala titah perintah kamu akan patik laksanakan," kata Laksamana Hang Tuah kepada Sultan Mahmud
salah: betul:
11. Jambatan menuju ke kampung itu tidak dapat dilalui kerana ia sudah reput.
salah: betul:
12. "Anda dibenarkan menyertai pertandingan tersebut jika menemui syarat yang telah ditetapkan," kata juruhebah itu.
salah: betul:
13. "Kita mestilah memohon perlindungan daripadanya agar kehidupan seharian kita selamat," kata guru agama itu kepada para pelajarinya.
salah: betul:
14. Tun Abdul Razak adalah Perdana Menteri yang kedua di Malaysia. Dia seorang pemimpin yang prihatin.
salah: betul:
15. Mereka-mereka yang didapati bersalah akan dihukum.
salah: betul:

Pilih ayat yang betul.

1. Kau bacalah buku ini.
Kaubacalah buku ini.
2. Cek itu sudah kau terima?
Cek itu sudah kau terima?

3. Bintang di langit ku lihat bersamanya.
Bintang di langit kulihat bersamanya.
4. Berita itu tidak habis-habis ku dengar.
Berita itu tidak habis-habis kudengar.
5. Di situlah rumah ku.
Di situlah rumahku
6. Ayah menemani ku belajar Matematik.
Ayah menemaniku belajar Matematik.
7. Surat ini sudah kuberi kepada mu
Surat ini sudah kuberi kepadamu.
8. Adakah ini buku mu?
Adakah ini bukumu?
9. Ibu dan ayah amat menyayangi mu.
Ibu dan ayah amat menyayangimu.
10. Ianya telah berjaya menyempurnakan projek itu dalam tempoh yang ditetapkan.
Ia telah berjaya menyempurnakan projek itu dalam tempoh yang ditetapkan.